

# Pelabuhan Johor kekal beroperasi sepanjang tahun

**PETALING JAYA** – Pelabuhan Johor yang merupakan pelabuhan serba guna yang terletak di Pasir Gudang, Johor akan kekal beroperasi sepanjang tahun termasuklah pada hari perayaan.

Ketua Pegawai Eksekutif Johor Port Bhd. (Johor Port), Md. Derick Basir berkata, walaupun bekerja pada hari raya, kakitangannya menyambutnya dengan rakan-rakan di tempat kerja dan syarikat juga menyediakan hidangan untuk berkongsi kegembiraan bersama.

Menurut beliau, Pelabuhan Johor memainkan peranan penting dalam rantaian bekalan tempatan dan global.

"Kami menggerakkan pelbagai jenis barangan (*edible and non-edible goods*) untuk keperluan ekonomi dan kelangsungan hidup.

"Tidak ramai yang menyedari akan kerja dan sumbangan pekerja pelabuhan bagi memastikan negara kita mendapat beka-



**PEKERJA** Pelabuhan Johor menjadi tulang belakang bagi memudahkan lagu urusan penghantaran di peringkat domestik dan juga global.

lan yang diperlukan secukupnya.

"Kami bekerja tanpa lelah sepanjang masa dan merupakan tulang belakang bukan sahaja kepada rantaian bekalan tempatan tetapi juga rantaian perdagangan di rantau Asia Pasifik," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan baru-baru ini.

Tambah Md. Derick, sebagai pelabuhan di pintu masuk di selatan, pihaknya berharap lebih banyak kesedaran terhadap industri pelabuhan dan sumbangan yang dilakukan oleh pekerja pelabuhan yang merupakan sebahagian daripada wira tidak didendang.